

Isu Penutupan Kilang: Cabaran Buat Industri dan Modal Insan Negara

Landskap Edisi 3/2021



Syarikat Multinasional Pentingkan Keuntungan

Pelaburan Asing Jejas Ekonomi Domestik

Diskriminasi Kekayaan Wilayah Pantai Timur & Borneo

Graduan Bumiputera, Buruh Separa Mahir?

Image: Goh Seng Chong/Bloomberg

LANDSKAP EDISI 3/2021

Isu Penutupan Kilang: Cabaran Buat Industri dan Modal Insan Negara



Diterbitkan Oleh:
**Interdisciplinary Research and International
Strategy (IRIS) Institute Berhad**

**Copyright © 2021, by Interdisciplinary Research and
International Strategy (IRIS) Institute Berhad**

Penulis:
Unit Penyelidik IRIS Institute

Ketua Editor:
Hanis Noor

Reka bentuk kulit & Susun Atur:
Wafiq Azman

No. 6-23-3A Jalan Medan Pusat Bandar 8A,
Bangi Sentral, 43650 Bandar Baru Bangi,
Taman Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
TEL: 018-2084917 EMAIL: admin@iris.institute

*Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam dokumen ini tidak
boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan bentuk dengan apa
jua cara sekalipun sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada*
**Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS)
Institute Berhad.**

www.iris.institute

Isi Kandungan

Ringkasan	1
Latar Belakang	2
Ketidakseimbangan Kekayaan Antara Wilayah Ekonomi Negara	3
Keutamaan Malaysia Terhadap Industri Mesra Pelabur Asing dan Kesannya Terhadap Ekonomi Domestik	8
Tenaga Buruh dan Kepakaran Rakyat Malaysia Disalurkan untuk Keuntungan Kapitalis	11
Penutup	15
Rujukan	17

Isu Penutupan Kilang: Cabaran Buat Industri dan Modal Insan Negara

Landskap edisi 3/2021

Ringkasan

- Siri penutupan kilang milik syarikat *multinational* yang berlaku baru-baru ini merupakan gejala kepada permasalahan yang lebih besar. Perancangan industri di Malaysia sejak tahun 1970 secara kasarnya berjaya meningkatkan KDNK negara menerusi kemasukan pelaburan asing dan penyediaan peluang pekerjaan buat satu tempoh.
- Namun, disebabkan sikap penting diri syarikat *multinational* yang mementingkan tenaga buruh asing dan kos pengeluaran yang rendah, Malaysia akhirnya terpaksa menanggung kesan daripada dasar ekonomi ini yang mengakibatkan ketidakseimbangan kekayaan antara wilayah dan penggunaan modal insan Bumiputera yang tidak optimum.
- Galakan pelaburan asing yang keterlaluan bukan sahaja suatu tindakan yang tidak sihat bagi ekonomi domestik, malah syarikat tempatan masih tidak mampu untuk memegang rantai nilai (*value chain*)

dan rantaian bekalan (*supply chain*) dalam pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

- Pencapaian pembangunan industri dan ekonomi Malaysia juga tidak banyak menguntungkan masyarakat Bumiputera. Ramai graduan Bumiputera yang menganggur kerana peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka adalah terhad. Taraf hidup graduan Bumiputera juga sukar untuk ditingkatkan kerana gaji yang diterima tidak setimpal dengan kelayakan. Mereka akhirnya terperangkap dalam kumpulan tenaga bekerja separa mahir di negara ini.

Latar Belakang

- Pada bulan Disember yang lepas, kilang Sony yang beroperasi selama 36 tahun di Perai, Pulau Pinang telah mengumumkan penutupannya. Penutupan kilang ini menjejaskan sejumlah 1,800 pekerja tempatan dan 1,600 pekerja asing. Keputusan itu dilakukan berikutan persaingan yang sengit antara syarikat-syarikat *multinational* dalam industri pembuatan di pasaran antarabangsa¹.
- Penutupan kilang di negara ini disusuli pula dengan kilang panel solar Panasonic yang beroperasi di Kulim berikutan persaingan sengit dengan pengilang China². Terbaru, kilang tayar Silverstone yang dimiliki oleh Toyo Tire Malaysia Sdn Bhd. juga akan menutup

operasinya. Kilang yang telah beroperasi selama 30 tahun di Taiping ini telah mencatat kerugian sejumlah RM239 juta akibat persaingan industri tayar berikutan kemasukan tayar dari negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan China³. Penutupan kedua-dua kilang ini memberi kesan kepada beribu-ribu pekerja tempatan.


- Siri penutupan kilang di negara ini menimbulkan persoalan sejauh mana industri pembuatan yang terlalu bergantung kepada syarikat-syarikat *multinational* memberikan jaminan kepada pembangunan ekonomi domestik. Kemasukan pelaburan asing daripada syarikat pengilangan ini juga ternyata memberi impak kepada pasaran buruh negara, terutama melibatkan tenaga bekerja tempatan.

Ketidakseimbangan Kekayaan Antara Wilayah Ekonomi Negara


- Strategi industri berasaskan eksport di Malaysia bermula pada tahun 1970 ketika pentadbiran Tun Abdul Razak dan diteruskan oleh Tun Hussein Onn dan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri. Ketika itu, dua akta kritikal; Akta Zon Perdagangan Bebas 1971 dan Akta Koordinasi Ekonomi 1975 telah diluluskan bagi membantu negara untuk mendapatkan modal pelaburan yang lebih besar. Usaha ini dilakukan untuk mengalihkan ekonomi Malaysia daripada bergantung kepada industri pertanian kepada industri pembuatan.

- Sebagai perbandingan, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 1970 industri pertanian telah menyumbang 28.8% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala industri pembuatan menyumbang 14.6%⁴. Sebaliknya pada tahun 2000, peratus industri pembuatan dalam KDNK meningkat kepada 30.9%, berbanding industri pertanian yang menurun kepada 8.6%⁴. Perubahan drastik yang berlaku dalam masa 30 tahun ini membuktikan bahawa Malaysia berjaya menarik minat pelabur asing dan meningkatkan aktiviti ekonomi berasaskan pembuatan dan pengilangan bagi tujuan eksport ke pasaran antarabangsa. Kini, pada tahun 2019, industri perkhidmatan menyumbang sebanyak 57.7%, manakala industri pembuatan dan pertanian masing-masing menyumbang sebanyak 22.3% dan 7.1% dalam KDNK negara⁵.

Peratus sumbangan pelbagai industri dalam KDNK negara pada tahun 2000



Peratus sumbangan pelbagai industri dalam KDNK negara pada tahun 1970



- Kesan yang utama daripada dasar ekonomi terbuka ini juga dapat dilihat dengan pembinaan zon ekonomi di wilayah-wilayah strategik negara. Zon ekonomi ini terdiri daripada Zon Perdagangan Bebas atau *free trade zones* (FTZ), Zon Perindustrian Bebas atau *free industrial zones* (FIZ), Pelabuhan Perdagangan Bebas, Pelabuhan Perindustrian Bebas dan Koridor Ekonomi Malaysia. Sehingga tahun 2020, Malaysia memiliki 21 FTZ yang meliputi 9 Pelabuhan Perdagangan Bebas dan 3 lapangan kapal terbang, serta 21 FIZ yang meliputi 6 Pelabuhan Perindustrian Bebas dan 3 lapangan kapal terbang⁶. Kesemua FTZ, FIZ serta pelabuhan-pelabuhan yang terlibat berhubung dengan 5 Koridor Ekonomi di seluruh negara⁷. Maklumat berikut dapat diringkaskan dalam Jadual 1.
- Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat pembangunan melibatkan industri berasaskan eksport tertumpu di wilayah pantai barat Semenanjung berbanding

wilayah pantai timur Semenanjung dan Borneo. Negeri Johor, Selangor dan Pulau Pinang merupakan *focal point* bagi industri-industri sederhana dan berat, manakala negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan Perlis menjadi *negeri satelit* yang menghubungkan *industrial focal points* ini. Kesannya, pembangunan yang pesat juga dapat diperhatikan berlaku di negeri-negeri tersebut dengan penumpuan daripada segi fasiliti dan jaringan pengangkutan di negeri-negeri tertentu. Pemerhatian yang sama juga dapat dilihat melalui kesan penjajahan British yang membangunkan landasan keretapi dan jalan raya di pantai barat Tanah Melayu yang merupakan wilayah strategik buat mereka.

- Perubahan ekonomi ini juga mempengaruhi pola kemahiran buruh bagi penduduk Malaysia. Pada tahun 1980, semasa industri pembuatan rancak dilaksanakan dan syarikat *multinational* memilih untuk membuka kilang-kilang di seluruh Malaysia, hanya 6.9% daripada tenaga buruh adalah golongan profesional atau buruh mahir⁸. Selebihnya, 93.1% tenaga buruh adalah daripada mereka yang berkemahiran rendah atau separuh mahir. Manakala pada tahun 2020, tenaga mahir atau profesional di Malaysia berjaya ditingkatkan kepada 24.4% dan selebihnya, 75.6% adalah tenaga buruh yang berkemahiran rendah atau separuh mahir dengan masing-masing mencapai 13.3% dan 62.3%⁹.

Jadual 1: Senarai FTZ, FIZ, pelabuhan dan lapangan kapal terbang mengikut Koridor Ekonomi Malaysia

	Greater Kuala Lumpur	IRDA (Wilayah Selatan)	NCIA (Wilayah Utara)	ECERDC (Wilayah Timur)	SEDIA (Wilayah Borneo Utara)	RECODA (Wilayah Borneo Selatan)
FTZ	♦ Port Klang Free Zone ♦ MILS Logistic Hub	♦ Stulang Laut, Johor ♦ Tanjung Langsat, Johor	♦ Bukit Kayu Hitam, Kedah ♦ Pekan Bukit Kayu Hitam, Kedah	♦ Rantau Panjang, Kelantan ♦ Pengkalan Kubor, Kelantan ♦ Tasik Kenyir, Terengganu	♦ Pulau Layang-Layang, Sabah	-
FIZ	♦ Sungai Way, Kuala Lumpur ♦ Ulu Klang ♦ Port Klang Free Zone ♦ Telok Panglima Garang	♦ Tanjung Bin, Johor ♦ Batu Berendam, Melaka ♦ Tanjung Kling, Melaka	♦ Seberang Perai, Pulau Pinang ♦ Bayan Lepas, Pulau Pinang ♦ Jelapang, Perak ♦ Kinta, Perak	-	-	♦ Sama Jaya, Kuching, Sarawak
Pelabuhan	♦ Pelabuhan Utara, Selangor ♦ Pelabuhan Barat, Selangor ♦ Pelabuhan Selatan, Selangor	♦ Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor ♦ Pelabuhan Pasir Gudang, Johor	♦ Dermaga Air Dalam, Pulau Pinang ♦ Pangkalan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang	♦ Pelabuhan Kuantan, Pahang	-	-
Lapangan Kapal Terbang	♦ Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur	♦ Lapangan Terbang Sultan Ismail ♦ Senai Airport City	♦ Kargo Mas, Pulau Pinang ♦ Kompleks Kargo Udara Kedua, Pulau Pinang	-	-	-

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri

- Secara umumnya, dalam masa 40 tahun pembangunan sosio ekonomi di negara ini, kadar kenaikan tenaga buruh profesional hanya pada tahap 0.44% setiap tahun, walaupun kedudukan pelaburan asing (*FDI position*) meningkat sebanyak 9.9% setahun¹⁰.
- Justeru, melihatkan kepada kedua-dua pemerhatian ini; ketidakseimbangan pembangunan ekonomi antara wilayah di Malaysia, dan kelemahan dalam meningkatkan kemahiran tenaga buruh, dua persoalan boleh dilontarkan seperti berikut:
- Bagaimana dasar ekonomi terbuka dan dasar ekonomi berasaskan eksport memberi kesan terhadap pembangunan wilayah di Malaysia?
- Apakah implikasi pembangunan industri & ekonomi Malaysia terhadap modal insan Bumiputera?

Keutamaan Malaysia Terhadap Industri Mesra Pelabur Asing dan Kesannya Terhadap Ekonomi Domestik

- Menurut Bank Negara dalam laporannya, *A Critical Assessment of Direct Investments Abroad (DIA) and the Changing Nature of Foreign Direct Investments (FDI)*, sejak 16 tahun kebelakangan ini, kedudukan pelaburan asing (*FDI position*) negara telah meningkat sebanyak 9.9% setahun daripada RM129.1 bilion tahun 2001 hingga RM565 bilion pada akhir 2017¹⁰.

Terkini, bagi tahun 2020, kedudukan pelaburan asing di Malaysia berada pada RM691.6 bilion dengan aliran pelaburan bersih (*net FDI flows*) sebanyak RM31.7 bilion¹¹. Menurut laporan, 41% daripada FDI telah disalurkan ke industri pembuatan, diikuti oleh industri perkhidmatan, perdagangan borong dan runcit, dan perlombongan, masing-masing pada tahap 21.3%, 7.2%, dan 6.9%. Manakala, sebilangan besar aliran FDI berasal dari ekonomi serantau seperti China, Singapura, Taiwan, Jepun dan Korea, diikuti dengan pelaburan dari Eropah dan Amerika Utara¹⁰.

- Kedudukan pelaburan asing yang semakin meningkat dan tertumpu kepada industri pembuatan merupakan kesan daripada dasar ekonomi terbuka yang dilaksanakan kerajaan Malaysia sejak tahun 1970. Polisi Akta Promosi Pelaburan 1986, Pakej Insentif Khas dan insentif di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 merupakan antara pakej rangsangan negara bagi menggalakkan modal industri daripada pelabur-pelabur luar.
- Tambahan pula, dalam Belanjawan 2021 yang dirancang berdasarkan kepada situasi semasa negara dalam berhadapan dengan pandemik COVID 19, kerajaan telah memutuskan insentif cukai bagi¹²:
 1. Hab Prinsipal – dilonggarkan dan dilanjutkan hingga tahun 2022.
 2. Global Trading Centre – kadar konsesi 10% untuk 5+5 tahun.

3. Had jualan Zon Industri Bebas dan Gudang Pengilangan Berlesen – 40% jualan tahunan.
 4. Perniagaan yang memindahkan operasi ke Malaysia:
 - a) Kadar cukai 15% untuk 5 tahun kepada individu utama bukan warganegara.
 - b) Kadar cukai khas 0-10% untuk syarikat dilanjutkan hingga 2022.
- Justeru, Malaysia masih konsisten dalam mengekalkan statusnya sebagai sebuah negara yang mesra pelabur asing. Komitmen ini dapat dilihat dengan usaha negara untuk membina lebih banyak zon perdagangan dan perindustrian (FTZ dan FIZ), serta jaringan pengangkutan seperti landasan keretapi dan pelabuhan. Sudah tentu, kawasan perindustrian dan perdagangan yang mempunyai jaringan pengangkutan dan bekalan tenaga buruh akan lebih menarik minat pelabur asing.
 - Sebaliknya, kawasan yang lebih pedalaman dan kurang infrastruktur seperti negeri-negeri di Pantai Timur dan Borneo tidak menjadi pilihan mereka. Pelabur asing seperti ini tidak mempunyai motivasi untuk membangunkan agenda nasional - untuk memastikan setiap rakyat Malaysia merasai hasil pembangunan yang diterajui oleh pelaburan mereka. Sebaliknya, motivasi utama bagi syarikat-syarikat *multinational* seperti mereka adalah keuntungan semata-mata.

- Perkara ini disokong oleh laporan Bank Negara pada tahun 2018 yang mendapati bahawa terdapat bukti yang menunjukkan manfaat yang dirasakan oleh negara daripada pelaburan asing ini semakin mengecil. Kebergantungan yang tinggi terhadap tenaga buruh berkemahiran rendah dan kos pengeluaran yang sangat rendah telah menyebabkan perkembangan rantaian nilai tempatan (*domestic value chain*) dan industri sampingan menjadi perlahan¹⁰. Rantaian pengeluaran ini juga bergantung kepada tenaga buruh asing, barangan import dan perkhidmatan import. Ini juga dibuktikan dengan kadar eksport yang semakin rendah dan perbelanjaan dalam aktiviti R&D yang semakin menurun bagi syarikat-syarikat *multinational* yang beroperasi di Malaysia¹⁰.
- Kesimpulannya, galakan pelaburan asing yang keterlaluan bukan sahaja suatu tindakan yang tidak sihat bagi ekonomi domestik, malah syarikat tempatan masih tidak mampu untuk memegang rantaian nilai (*value chain*) dan rantaian bekalan (*supply chain*) dalam pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Tenaga Buruh dan Kepakaran Rakyat Malaysia Disalurkan untuk Keuntungan Kapitalis

- Pada tahun 2019, Malaysia memiliki 15.6 juta orang tenaga buruh yang mewakili 68.7% penduduk dalam kumpulan umur bekerja yang aktif dalam pasaran buruh dengan kadar pengangguran kekal pada 3.3%.

Manakala baki 31.3% penduduk dalam kumpulan umur bekerja berada di luar tenaga buruh terdiri daripada suri rumah, pelajar, pesara serta golongan yang tidak berkeupayaan atau berminat untuk mencari pekerjaan¹³.

- Sebanyak 14.7% tenaga buruh Malaysia terdiri daripada warga asing. Majoriti pekerja asing ini bekerja dalam industri pembuatan, pertanian dan pembinaan¹³. Jadual 2 menunjukkan bahawa Malaysia masih bergantung kepada tenaga buruh asing berkemahiran rendah manakala kaum Cina dan India lebih terkehadapan berbanding Bumiputera dalam bidang pekerjaan yang memerlukan tenaga mahir.

Jadual 2: Penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran dan kumpulan etnik, 2019

Tahap kemahiran	Warganegara Malaysia				Bukan warganegara Malaysia
	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	
<i>Mahir</i>	29	37	33	18	6
<i>Separuh mahir</i>	62	59	57	60	56
<i>Rendah</i>	9	4	10	22	38
<i>Jumlah (%)</i>	100	100	100	100	100

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Pekerjaan dikelaskan mengikut Piawaian Pengkelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013: Pekerja mahir – 1. Pengurus; 2. Profesional; 3. Juruteknik dan profesional bersekutu; Pekerja separuh mahir – 4. Pekerja sokongan perkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan jualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 8. Operator mesin dan loji, dan pemasang; Pekerja berkemahiran rendah – 9. Pekerja asas.

- Implikasi ini dapat dijelaskan dengan melihat kepada hubungkaitnya dengan aliran pelaburan asing di negara ini. Terdapat satu kajian yang telah membuktikan bahawa pelaburan asing tidak meningkatkan permintaan pasaran buruh terhadap tenaga mahir di Malaysia.¹⁵ Hal ini boleh disebabkan oleh dua faktor.
- Faktor pertama adalah kewujudan kesan himpitan keluar (*crowding-out effect*) di mana pelaburan swasta termasuk pelaburan asing berkurang berikutan peningkatan kadar faedah apabila hutang kerajaan bertambah. Fenomena ini lebih cenderung berlaku pada negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka kerana pelabur asing boleh mendapatkan input pengeluaran dan tenaga buruh pada kos yang lebih rendah dari negara lain.
- Faktor kedua adalah penumpuan pelabur asing di Malaysia dalam industri yang memerlukan modal yang tinggi atau *capital-intensive industries* berbanding industri yang memerlukan buruh yang ramai atau *labour-intensive industries*.¹⁵ Pendek kata, kadar pemindahan teknologi daripada pelaburan asing adalah rendah dan tidak menggalakkan pertumbuhan pekerja mahir. Lebih buruk lagi, pelaburan asing yang tertumpu pada industri tertentu sahaja boleh meningkatkan jurang pendapatan penduduk kerana segolongan kecil pekerja mahir yang bekerja dengan syarikat-syarikat *multinational* menerima gaji yang lebih tinggi berbanding sebahagian besar pekerja

dalam pasaran buruh Malaysia.¹⁵

- Selain itu, modal insan yang dimiliki Malaysia masih belum dimanfaatkan secara optimum. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa terdapat 73.3% graduan berkhidmat sebagai tenaga mahir manakala selebihnya mengambil tempat dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah¹⁴. Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2019 pula mendapati hanya 45.4% graduan yang bekerja berjaya mendapatkan pekerjaan tetap. Sebaliknya sebanyak 20.5% graduan bekerja merupakan pekerja kontrak dan 15.4% graduan bekerja merupakan pekerja sementara¹⁶.
- Datuk Mohd Sahar Darusman, Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengakui bahawa masalah ketidakpadanan (*mismatch*) graduan dalam pasaran buruh ini merupakan isu struktural jangka panjang ekonomi Malaysia yang dihadapi sejak dua dekad yang lalu dan diburukkan lagi oleh pandemik COVID-19. Menurut beliau, isu ini juga mencerminkan pulangan pelaburan modal insan yang rendah dan penggunaan sumber ekonomi yang tidak berkesan dan tidak efisien¹⁷.
- Selain itu, krisis ketidakpadanan graduan dalam pasaran buruh ini turut menyumbang kepada kemunduran sosioekonomi Bumiputera kerana graduan Bumiputera

yang terperangkap sebagai buruh berkemahiran rendah dan separuh mahir tidak dapat menikmati taraf hidup yang sepatutnya apatah lagi graduan Bumiputera yang menganggur. Purata gaji graduan yang bekerja sebagai tenaga mahir adalah sebanyak RM5,882 sebulan manakala purata gaji graduan yang bekerja sebagai tenaga separuh mahir dan rendah cuma RM2,511 dan RM1,991 sebulan¹⁴.

- Ringkasnya, pencapaian pembangunan industri dan ekonomi di Malaysia tidak banyak menguntungkan masyarakat Bumiputera. Ramai graduan Bumiputera yang menganggur kerana peluang pekerjaan yang sesuai adalah terhad. Taraf hidup Bumiputera juga sukar ditingkatkan kerana gaji yang diterima adalah tidak setimpal dengan kelayakan mereka.

Kesimpulan

- Kesimpulannya, siri penutupan kilang milik syarikat *multinational* yang berlaku baru-baru ini merupakan gejala kepada permasalahan yang lebih besar. Perancangan industri di Malaysia sejak tahun 1970 secara kasarnya berjaya meningkatkan KDNK negara menerusi kemasukan pelaburan asing dan penyediaan peluang pekerjaan buat satu tempoh.
- Walaubagaimanapun, perancangan kerajaan untuk menaiktaraf fasiliti dan infrastruktur di zon-zon ekonomi, serta meningkatkan kemahiran buruh

tempatan tidak disahut oleh syarikat-syarikat *multinational*.

- Disebabkan sikap penting diri mereka yang mementingkan tenaga buruh asing dan kos pengeluaran yang rendah, Malaysia akhirnya terpaksa menanggung kesan daripada dasar ekonomi ini yang mengakibatkan ketidakseimbangan kekayaan antara wilayah dan penggunaan modal insan Bumiputera yang tidak optimum.

Rujukan

1. Utusan Malaysia. (4 Disember 2020). [*Pulau Pinang akan bantu pekerja Sony diberhentikan.*](#)
2. Reuters. (26 Februari 2020). [*Panasonic to exit solar production at Tesla's New York plant as partnership frays.*](#)
3. Utusan Malaysia. (17 Februari 2021). [*Kilang Silverstone Taiping henti operasi 30 Jun ini.*](#)
4. Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). [*Evolusi struktur ekonomi Malaysia melalui statistik KDNK.*](#)
5. Unit Perancang Ekonomi. (2019). [*The Malaysian Economy in Figures 2019.*](#) Jabatan Perdana Menteri.
6. Jabatan Kastam Diraja Malaysia. (2020). [*Senarai zon bebas dan pihak berkuasa zon.*](#)
7. Jabatan Perdana Menteri. (2018). [*Laporan nilai pelaburan komited mengikut wilayah pembangunan ekonomi koridor.*](#)
8. Hairi Abdullah. (1990). [*Mengenalpasti asas pembentukan kumpulan-kumpulan: Suatu penelitian dari perspektif demografi sosial.*](#) *Akademika*, 36(1).
9. Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). [*Employment statistics third quarter 2020.*](#)
10. Bank Negara Malaysia. (2018). [*A critical assessment of Direct Investments Abroad \(DIA\) and the changing nature of Foreign Direct Investments \(FDI\).*](#)
11. Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). [*Statistics of Foreign Direct Investment in Malaysia, 2019.*](#)
12. Kementerian Kewangan. (2020). [*Ringkasan Belanjawan 2021.*](#)

13. Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). [*Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2019.*](#)
14. Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). [*Statistik graduan 2019.*](#)
15. Norhanishah Mohamad Yunus, Rusmawati Said & W. N. W. Azman-Saini. (2015). [*Spillover effects of FDI and trade on demand for skilled labour in Malaysian manufacturing industries.*](#) *Asian Academy of Management Journal*. 20(2). 1-27.
16. Kementerian Pengajian Tinggi. (2019). [*Statistik pendidikan tinggi 2019.*](#)
17. The Star. (27 september 2020). [*Graduate mismatch in the labour market.*](#)

'FAST-TRACKING' POLITICS


How Southeast Asian leaders capitalized China railway projects for legitimacy

Author: Syed Israa'

Genre: Geopolitik

ISBN: 978-967-17845-0-1

Pages: 160



BOLEH DAPATKAN DI:
www.iris.institute


PENCHINAAN MALAYSIA: TERGADAIKAH TANAH KEDAULATAN BANGSA

Penulis: Asyraf Farique, Sakinah Faizal & Wafiq Azman

Genre: Geopolitik

ISBN: 978-967-5473-39-5

Mukasurat: 344



PEMENANG
ANUGERAH
BUKU NEGARA
National Book Award
2019



BOLEH DAPATKAN DI:
www.iris.institute



Untuk Sumbangan:

562263539808 (Maybank)

Interdisciplinary Research And International Strategy

